



Antarabangsa

UniMAP Melebarkan Jaringan Penyelidikan Bersama Dengan KACST

RIYADH, 13 Januari 2011 - Bertempat di Bilik Mesyuarat King Abdul Aziz City Science And Technology (KACST), delegasi UniMAP yang telah diketuai oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Bin Hussin bersama dengan beberapa orang pensyarah daripada UniMAP telah mengadakan perbincangan penyelidikan bersama dengan KACST yang diketuai oleh Pengarah Program Bahan Termaju iaitu Prof. Dr. Mohammed B. Hussain.

Isu yang utama yang dibincangkan adalah mengenai status penyelidikan yang sedang berjalan antara kedua-dua organisasi iaitu Development of Green Polymeric Concrete yang telah berjaya mendapat dana sebanyak RM 1.5 juta daripada KACST. Perbincangan juga menyentuh isu pengkormesilan bahan tersebut menggunakan bahan mentah sedia ada di negara Arab Saudi. Penyelidikan ini diketuai oleh Pensyarah Kanan, En. Mohd Mustafa Albakri Abdullah.

Antara persetujuan lain yang telah dicapai ialah KACST juga bersetuju untuk mengembangkan lagi penyelidikan bersama untuk penyelidikan lain seperti Development of High Potential and High Efficiency of Magnesium Sacrificial Anodes for Cathodic Corrosion Protection yang diketuai oleh En. Shaiful Rizam Shamsudin dan Production of Effective Microorganism (EM) Using Halal Based Sources yang diketuai oleh Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali.

Di samping itu juga, Y. Bhg. Naib Canselor turut menyarankan penubuhan Green Technology Institute (GTI) secara bersama antara UniMAP dan KACST serta beliau turut mencadangkan agar KACST menerima staf yang terdiri daripada kalangan graduan UniMAP untuk bekerja sebagai pegawai penyelidik atau pekerja profesional. Kedua-dua cadangan tersebut dipandang positif oleh KACST.